

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHH 242 - Sejarah Diplomatik Eropah 1815 - 1945

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana EMPAT (4) soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

1. Apakah prinsip-prinsip asas Penyelesaian Vienna, 1815? Jelaskan bagaimanakah prinsip-prinsip itu telah dilaksanakan.
(100 markah)
2. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan "Konsert Eropah". Bincangkan sejauh manakah kuasa-kuasa besar Eropah benar-benar dapat berkerjasama dalam hubungan antarabangsa pada awal abad ke 19.
(100 markah)
3. Sejauh manakah Revolusi 1848 berjaya membubarkan Penyelesaian Vienna, 1815?
(100 markah)
4. Bincangkan bagaimanakah Bismarck telah berjaya menyatukan Jerman menjelang 1871.
(100 markah)
5. Bincangkan secara kritis Perjanjian Versailles yang dibuat dengan Jerman pada 1919.
(100 markah)
6. "Hitlerlah yang bertanggung jawab atas pencetusan Perang Dunia Kedua di Eropah." Bincangkan pernyataan ini.
(100 markah)
7. Tuliskan catatan ringkas tentang mana-mana TIGA perkara berikut:
 - (a) Perimbangan kuasa.
 - (b) Camillo de Cavour.
 - (c) Konsep Keselamatan Bersama.
 - (d) Napoleon III.
 - (e) Gustav Stresemann.
(100 markah)

oooOooo